

26/08/2000

`Bukti ahli Pas tidak bersyukur'

SEPANG, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata dakwaan Pas bahawa ahli parti itu tidak mendapat faedah daripada dasar kerajaan yang membantu golongan Melayu, menunjukkan mereka tidak pernah bersyukur.

"Bayar baliklah segala biasiswa yang dah diterima, segala jalan yang dibuat di kampung, perbelanjaan yang digunakan hasil kutipan cukai ... Tak apa kita boleh korek balik jalan itu kalau dia kata tak terima.

"Inilah manusia yang tak pernah bersyukur," katanya kepada pemberita sekembalinya ke tanah air selepas menghadiri Persidangan Antarabangsa Selatan Afrika 2000 di Mozambique dan lawatan singkat ke London.

Perdana Menteri mengulas laporan akhbar semalam mengenai dakwaan Pas kononnya anggota mereka tidak menikmati faedah daripada dasar kerajaan untuk membantu orang Melayu, sebaliknya faedah itu hanya dinikmati orang Umno.

Ditanya mengenai kenyataan Pas bahawa isu hak keistimewaan Melayu yang timbul baru-baru ini adalah satu lagi sandiwara kerajaan, Dr Mahathir berkata:

"Semuanya sandiwara dan konspirasi. Jika tak buat kerja lain, itu sajalah kerja kita. Itulah sebab cara kita menguruskan ekonomi pun dikata sebagai satu sandiwara. Serangan terhadap sistem kewangan kita juga adalah satu sandiwara dan cara kita mengatasinya juga sandiwara."

Ditanya apakah tindakan kerajaan untuk mengubah fikiran mereka (anggota Pas), beliau berkata: "Itu adalah pemikiran mereka, macam mana kita nak betulkan. Orang macam tu, kita tidak boleh hendak kata apa lagi dah. Kalau kita tunjuk putih, dia kata hitam. Kalau hitam dia kata putih."

Mengenai tohmahan bahawa beliau tidak menyukai anggota kerajaan dan Umno yang berkopiah putih serta berjanggut seperti yang disiarkan di laman web reformasi, Dr Mahathir berkata laman web seumpama itu hanya membuat fitnah untuk membangkitkan kebencian kepada kerajaan.

"Oleh itu tidak hairanlah dia buat tuduhan yang macam itu," katanya.

Ditanya apakah tindakan Umno dan kerajaan untuk menangani perkara itu, beliau berkata tidak ada apa-apa tindakan diambil.

"Kita pakailah seperti biasa. Kalau kita nak pakai kopiah, kita pakailah kopiah. Kalau kita nak simpan janggut, kita simpanlah janggut. Tapi jangan tuduh orang tidak berjanggut itu bukan Islam," katanya.

Dr Mahathir, yang turut ditanya mengenai ketetapan Umno Sabah yang mahu sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah dihentikan, berkata perkara itu perlu diteliti dahulu.

Katanya, beliau tidak boleh membuat kenyataan umum untuk menjawab dakwaan sesetengah pihak bahawa sistem itu hendak dimansuhkan supaya Umno terus kekal menyandang jawatan Ketua Menteri Sabah.

Mengenai cadangan supaya diwujudkan Kementerian Khas bagi menjaga hal ehwal wanita, Dr Mahathir berkata beliau akan mengkajinya sama ada benar-benar perlu atau tidak.

Ditanya mengenai kerajaan belum lagi membuat pengumuman kadar tol di Lebuhraya Seremban-Port Dickson, beliau berkata ia perlu dibincangkan semula dan sama ada kadar itu naik atau tidak, tidak diketahui lagi.

Laporan akhbar hari ini menyebut Menteri Kerja Raya Datuk Seri S Samy Vellu berkata bahawa Kabinet menengguhkan pengumuman mengenai penurunan kadar tol baru bagi lebuhraya berkenaan ke penghujung tahun ini.

(END)